

**RABU**

**29 MAC 2023**

**7 RAMADAN 1444H**

**“6 GOLONGAN YANG RUGI  
DI BULAN RAMADAN”**

**TAZKIRAH SENAT**

**PROF. MADYA DR. AHMAD BIN CHE YAACOB**

**#JOM\_INFAQ DANA RAMADAN UTM 2023**

**BANK MUAMALAT 0108 0000 541 711**

# Maksud Hadis

- Ketika Nabi SAW menaiki mimbar, Baginda SAW bersabda: “Amin, Amin , Amin (sebanyak 3 kali)”. Baginda SAW ditanya: “Wahai Rasulullah, apabila engkau menaiki mimbar, engkau telah berkata amin, amin , amin”. Maka Rasulullah SAW bersabda: “Sesungguhnya Jibril AS telah datang kepadaku, lalu dia (Jibril) berkata: **Barangsiapa yang bertemu dengan bulan Ramadhan tetapi tidak diampunkan baginya maka dia akan dimasukkan ke dalam neraka serta dijauhkan (daripada rahmat) oleh Allah SWT.**

- Katakanlah (wahai Muhammad): Amin. Maka aku katakan: Amin. **Dan barangsiapa sempat hidup bersama kedua orang tuanya tetapi tidak melakukan kebaikan kepada mereka. Kemudian dia meninggal maka dia akan dimasukkan ke dalam neraka serta dijauhkan (daripada rahmat) oleh Allah SWT.** Katakanlah (wahai Muhammad): Amin. Maka aku katakan: Amin. **Dan barangsiapa yang disebut kepadanya (nama Muhammad) dan dia tidak berselawat kepadaku, maka dia akan dijauhkan (daripada rahmat) oleh Allah SWT.** Katakanlah (wahai Muhammad): Amin. Maka aku katakan: Amin”.  
[Lihat: al-Targhib wa al-Tarhib, 2/57]

# 1. Bangun Sahur Tetapi Tidak Solat

- Kerugian yang besar kepada orang yang bangun sahur, tetapi tidak menunaikan solat tahajjud, memohon ampun dan berdoa.
- Sabda Rasulullah: "**Sesungguhnya rahmat Allah turun ke langit dunia setiap malam pada satu pertiga bahagian malam yang terakhir**". Lalu Allah berfirman: **'Siapa yang berdoa kepadaKu nescaya Aku kabulkan! Siapa yang meminta kepadaKu nescaya Aku perkenankan! Siapa yang meminta ampun kepadaKu sudah tentu Aku ampunkan.'**

(Riwayat Bukhari)

## 2. Malas Bersahur

- Terlebih malang bagi orang yang tidak bersahur.
- Ini kerana waktu sahur adalah waktu yang mengandungi keberkatan.
- Sabda Rasulullah: "**Sesungguhnya bersahur itu mengandungi keberkatan maka janganlah kamu meninggalkan bersahur. Sekalipun kamu sekadar meminum seteguk air kerana sesungguhnya Allah dan Malaikat berselawat (mendoakan) orang yang bersahur.**"

# 3. Tidak Berdoa ketika berbuka

- Ramai menghabiskan masa dengan berbual ketika menunggu waktu untuk berbuka puasa, sedangkan ia waktu yang mustajab.
- Sabda Rasulullah yang mafhumnya:  
**"Sesungguhnya bagi orang yang berpuasa itu, ada satu waktu buat dirinya di mana sekiranya dia berdoa maka doanya tidak akan ditolak iaitu waktu ketika dia hendak berbuka."**

- Dalam hadis lain, Rasulullah menjelaskan terdapat tiga kumpulan yang mana doa mereka tidak akan ditolak iaitu: Pemimpin yang adil, **orang yang berpuasa ketika dia hendak berbuka** dan orang yang dizalimi.
- Alangkah ruginya mereka yang tidak berdoa ketika hendak berbuka puasa.
- Ramadan adalah bulan keampunan, jadi amatlah rugi apabila kesempatan ini disia-siakan begitu sahaja.





## 4. Orang Yang Tidak Memberi Infaq

- Amatlah rugi apabila seseorang enggan memberi infaq di bulan Ramadan.
- “Sesiapa yang memberikan **makanan seorang yang berpuasa** untuk dia berbuka, maka perbuatan baiknya itu **diampunkan dosanya** dan menjadi **penebus dari azab neraka**. Dan dia pula **mendapat pahala seperti pahala orang yang berpuasa** yang dijamu itu dengan tidak mengurangkan pahala orang itu sedikit pun”. (Hadis sahih riwayat Ibn Khuzaimah)

**JOM INFAQ DANA  
RAMADAN  
BANK MUAMALAT  
0108 0000 541 711  
TABUNG MASJID  
SULTAN ISMAIL  
PIUTM**

**UTMSmart  
atau Portal UTM Fundraising  
<https://fundraising.utm.my/>**



## **DANA RAMADHAN UTM 1444H/2023**

Tabung ini bertujuan untuk memberi peluang kepada para penderma budiman dalam kalangan warga UTM dan masyarakat sekitar untuk memberikan sumbangan masing-masing. Dana daripada tabung ini akan digunakan untuk program dan aktiviti semasa bulan Ramadhan nanti seperti penyediaan juadah berbuka, zakat, sandu dan sedekah. Selain itu, dana ini turut digunakan untuk membiayai kos pengurusan penceramah, pentazkirah dan imam yang dijemput untuk mengimarahkan Ramadhan kali ini.

**RM26,532.50**

**RM 26,532.50**

pledge of RM  
335,000.00

**563**

donors

**24**

days to go

## 5. Tidak Membaca Al-Qur'an

- Sabda Rasulullah SAW;

**“Puasa dan Al-Qur'an memohon syafaat kepada Allah di Hari Akhirat bagi orang yang berbakti (orang yang berpuasa dan banyak pula membaca Al-Qur'an)”.**

(Hadis Hasan, riwayat Ahmad)

## 6. Pelaku Maksiat

- Inilah golongan yang paling rugi di bulan Ramadan.
- Matlamat puasa adalah supaya manusia menjadi orang yang bertaqwa.
- Taqwa itu bukan sekadar puasa pada siang hari dan bangun qiamullail pada malam hari, tetapi taqwa meninggalkan perkara yang diharamkan Allah dan melakukan segala kewajipan.
- Taqwa ialah sikap berhati-hati dalam setiap tindakan supaya tidak terjebak melakukan perbuatan yang dilarang.

**T A Q W A**

itu seperti

melalui

**JALAN**

penuhi

**DUR*i***

melangkah dengan

**was pada**

**&**

**berhati-hati**

*Berubah karena Allah bukan manusia*

- Sabda Rasulullah: "Barangsiapa yang tidak meninggalkan kata dusta dan beramal dengannya, maka Allah tidak memerlukan dia meninggalkan makan dan minumannya."

(Hadis sahih riwayat Bukhari)

- Sabda Rasulullah SAW maksudnya;
- “Apabila seseorang dari kamu berpuasa, maka janganlah dia melakukan sesuatu perkara yang keji atau marah menjerit-jerit, kalau ada orang memaki hamun atau mengajaknya berkelahi, maka hendaklah dia bersabar sambil berkata (dalam hatinya atau terang-terangan), Saya sedang berpuasa”.

(Hadis sahih riwayat Bukhari)

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ أَسْتَغْفِرُكَ  
وَأَتُوبُ إِلَيْكَ .

*“Maha Suci Engkau, ya Allah, aku memuji kepada-Mu. Aku bersaksi, bahawa tiada Tuhan selain Engkau, aku minta ampun dan bertaubat kepada-Mu”*